



**LEMBAGA JURUKUR TANAH
SEMENANJUNG MALAYSIA
(LAND SURVEYORS BOARD)**

RUJUKAN TUAN :

RUJUKAN KAMI : LJT 6 Pt.7/(11)

(SILA NYATAKAN RUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

NO. 2735 TINGKAT SATU
JALAN PERMATA EMPAT
TAMAN PERMATA ULU KELANG
53300 KUALA LUMPUR
Tel : 03-41085191
Fax : 03-41085178

Semua Jurukur Tanah Berlesen

Tuan,

PEKELILING LEMBAGA JURUUKUR TANAH BIL. 3/2000

**BAYARAN KEMAJUAN 10% MAKSIMUM BAGI KERJA UKUR HAKMILIK
(TANAH, STRATA DAN STRATUM).**

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan menetapkan had maksimum bayaran kemajuan 10% kepada RM100,000

bagi kerja ukur hakmilik (tanah, strata dan stratum)

2. LATAR BELAKANG

Mengikut amalan sekarang, Lembaga Juruukur Tanah (LJT) membuat bayaran kemajuan sebanyak 10% kepada Juruukur Tanah Berlesen (JUBL) yang memohon tanpa menghadkan jumlahnya. Dengan bertambahnya projek-projek besar akibat daripada pembangunan pesat negara masakini turut melibatkan kos bayaran kerja ukur yang tinggi dan seterusnya kepada jumlah bayaran kemajuan 10%. Dengan demikian adalah wajar bayaran kemajuan 10% ini dikawal dan dihadkan jumlah maksimumnya supaya berpatutan serta mengikut kemajuan kerja sebenar yang dibuat.

3. HAD MAKSIMUM BAYARAN KEMAJUAN 10%

Berasaskan kepada kewajaran tersebut, LJT memutuskan bahawa bayaran kemajuan 10% yang dipohon adalah diteruskan tetapi dengan had maksimum RM100,000.


4. TARIKH BERKUATKUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai dari tarikh pengeluarannya.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"CINTAILAH BAHASA KITA"



(HAMID BIN ALI, KMN, PMC, PJC)

Pengerusi
Lembaga Juruukur Tanah
Semenanjung Malaysia